



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM TUHFAT AL-NAFIS**

**IBRAHIM HJ. SALLEH**

**FBMK 2003 16**

**AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM TUHFAT AL-NAFIS**

**IBRAHIM HJ. SALLEH**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2003**



**AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM TUHFAT AL-NAFIS**

**oleh**

**IBRAHIM HJ. SALLEH**

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2003**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU DALAM TUHFAT AL-NAFIS**

**Oleh**

**IBRAHIM HAJI SALLEH**

**Disember 2003**

**Pengerusi: Profesor Madya Shameem bt Mohd. Rafik Khan, Ph.D.**

**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tugas penting tatabahasa untuk menghuraikan unsur bahasa dalam pembinaan ayat yang baik. Oleh itu, tatabahasa sebagai dasar yang menjadi pedoman dalam menentukan betul salahnya ayat yang dihasilkan oleh seseorang, seharusnya dibuat secara formal. Ini demikian kerana tatabahasa akan menjelaskan bagaimana kata terbentuk, dan bagaimana pula kata dengan kata saling berhubungan dalam membentuk ayat.

Berdasarkan hakikat inilah kajian terhadap ayat majmuk bahasa Melayu ini dilakukan. Kajian ini berlandaskan prinsip linguistik yang didasarkan pada prinsip tatabahasa transformasi generatif. Premis utama kajian ini ialah setiap ayat mempunyai struktur dasar dan struktur permukaan. Struktur dasar memberikan pentafsiran semantik, dan struktur permukaan dihasilkan daripada struktur dasar melalui rumus transformasi tertentu dan tersusun. Dalam proses perubahan itulah terjadinya *peluasan*, *penambahan*, *penggantian*, *pengguguran* atau *penyusunan semula* unsur pada peringkat struktur dasar.

Kajian ini dibuat berasaskan bahan bertulis daripada sumber teks lama, iaitu *Tuhfat Al-Nafis*. *Tuhfat Al-Nafis* merupakan dokumen penting tentang masyarakat Melayu kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Teks ini mengetengahkan bentuk bahasa dalam kehidupan harian, baik dari segi leksikon, struktur ayat mahupun ragam dan gaya bahasanya. Isinya merupakan pemerhatian karyawan dan sorotannya terhadap kehidupan dan alam sekeliling, iaitu alam lahiriah dan alam batiniah, persekitaran fizikal, psikologi dan metafizika. Dalam konteks inilah ayat majmuk dalam *Tuhfat Al\_Nafis* dikaji. Analisis ayat majmuk dalam teks ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kesinambungan bentuk ayat, terutama *ayat majmuk gabungan*, *ayat majmuk pancangan (berkait, pelengkap, dan keterangan)*, dan *ayat majmuk campuran*.

Hasil daripada analisis ayat majmuk dalam teks tersebut juga telah dapat dikenal pasti bentuk ayat majmuk bahasa Melayu yang mempunyai tradisi dan akar umbinya, dan variasi bentuk ayat majmuk dalam teks lama. Dengan penemuan ini dapatlah juga ditentukan pola ayat majmuk yang mantap, sah dan berkesinambungan dalam perkembangan bahasa Melayu untuk penyusunan tatabahasa baku yang lebih berpeda. Hakikat ini tentunya akan memberikan matra baharu ke arah pemantapan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the Degree of Doctor of Philosophy

**MALAY COMPOUND SENTENCES IN TUHFAT AL- NAFIS**

by

**IBRAHIM HAJI SALLEH**

**December 2003**

**Chairperson: Associate Professor Shameem bt Mohd. Rafik Khan, Ph.D.**

**Faculty: Modern Languages and Communication**

An important function of grammar is to explain elements of language in the construction of sentences. Hence, it is imperative that grammar which serves as the basis that guides decisions concerning the grammaticality of a sentence produced by an individual must be constructed formally. This is so because grammar explains how words are formed and how they inter-relate in the formation of a sentence.

The present study of the compound sentences in the Malay language was undertaken based on the above linguistic reality. The study was based on linguistic principles that are founded on the principles of transformational generative grammar. The main premise of the research is that each sentence is made up of a deep structure and a surface structure. The former provides an in-depth semantic interpretation, and through a specific sequential transformation process produces surface structure. In this transformative process, the following aspects of expansion, addition, substitution, deletion or reconstruction of sentences structures occur.

The present study was conducted using written materials procured from old texts sources namely the *Tuhfat Al-Nafis*. The *Tuhfat Al-Nafis* is an important document about Malay society in the 19<sup>th</sup> and early 20<sup>th</sup> centuries. This text which popularized the use of language in daily life forwarded concepts like register and style. The content comprises the observation of literary people and their reflection of life, and the environment they live in. This includes the concrete and the abstract worlds, together with physical, psychological and metaphysical surroundings. It is in this context that compound sentences in *Tuhfat Al-Nafis* were studied. This text clearly shows that there is continuity in sentence structure and this is inherent in several other structures, particularly conjoined sentences, embedded sentences (*relative, complement and adverbial*), and complex sentences.

As a result of the analysis of compound sentences in the text mentioned, the writer was able to identify the form and structure of compound sentences in the Malay language. The findings suggest that compound sentences have their own traditions and origins, and that there is structural variation of the compound sentence in the old text. Hence, it was also possible to determine a stable, valid and continuous pattern of the compound sentence in the development of the Malay language leading towards a more realistic structuring of standard grammar. This fact certainly bears solemn testimony to the enhancement of Malay as the national and official language of the nation.

## PENGHARGAAN

Dengan izin Allah s.w.t. kajian ini dapat disempurnakan. Kajian ini juga dapat disempurnakan setelah mendapat bantuan dan kerjasama daripada banyak pihak. Penulis terhutang budi kepada pihak yang telah membantu dalam penyempurnaan kajian ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutama sumbangan idea dan tenaga.

Penulis mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sedalam-dalam penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Shameem bt Mohd. Rafik Khan @ Rafik-Galea selaku pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan atas nasihat, bimbingan dan petunjuk yang amat berguna serta dorongan yang *luar biasa* sepanjang kajian ini dijalankan.

Seterusnya rakaman dan ucapan yang sama ditujukan kepada Profesor Dr. Hj. Amat Juhari Moain yang amat banyak *berbudi*, bukan sahaja budi ilmu pengetahuan, tetapi juga bimbingan kerjaya dan *rasa kemanusiaan*. Penulis memperoleh manfaat yang amat besar, dan tidak ternilai harganya. Demikian juga kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif atas bimbingan dan pandangannya terhadap beberapa aspek dalam kajian ini. Semuanya menjadi input yang amat signifikan dalam pemantapan hasil kajian.



Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Prof. Dr. Shaikh Md Noor Alam S. M. Hussein, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah memberikan ruang dan harapan, Hj. Mhd Amin Arshad, Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Puan Imai Tudan, dan teman lain di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang senantiasa memberikan dorongan.

Akhirnya, penulis merakamkan penghargaan yang *tinggi* dan *dalam* kepada Rugayah Hanim Hj. Hashim, Khairul Izwan, Khairil Izam, Khairi Izzat, Liyana Hanim dan Izzati Hanim atas sokongan moral yang diberikan. Semoga Allah memberkati kita semua. Amin.

## KANDUNGAN

								halaman
	<b>ABSTRAK</b>	...	...	...	...	...	...	ii
	<b>ABSTRACT</b>	...	...	...	...	...	...	iv
	<b>PENGHARGAAN</b>	...	...	...	...	...	...	vi
	<b>LEMBARAN PENGESAHAN</b>	...	...	...	...	...	...	viii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	...	...	...	...	...	...	xiii
	<b>LAMBANG DAN SINGKATAN</b>	...	...	...	...	...	...	xiv
 <b>BAB</b>								
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>							01
	Latar Belakang Kajian Tatabahasa	...	...	...	...	...	...	01
	Penyataan Masalah	...	...	...	...	...	...	09
	Objektif Kajian	...	...	...	...	...	...	12
	Kepentingan Kajian	...	...	...	...	...	...	13
	Batasan Kajian	...	...	...	...	...	...	15
	Definisi Operasional	...	...	...	...	...	...	15
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>							16
	Pendahuluan	...	...	...	...	...	...	16
	Analisis Za'ba	...	...	...	...	...	...	17
	Analisis S. Takdir Alisjahbana	...	...	...	...	...	...	28
	Analisis Asmah Haji Omar	...	...	...	...	...	...	36
	Analisis Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan	...	...	...	...	...	...	44
	Analisis Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood, dan ahli bahasa yang lain	...	...	...	...	...	...	50
	Kesimpulan	...	...	...	...	...	...	91
<b>III</b>	<b>METODOLOGI</b>							95
	Reka Bentuk Kajian	...	...	...	...	...	...	95
	Kerangka Teori	...	...	...	...	...	...	95
	Kerangka Konsepsi	...	...	...	...	...	...	117
	Bahan Kajian	...	...	...	...	...	...	119
	Kaedah dan Pendekatan Kajian	...	...	...	...	...	...	125
	Kerangka Analisis	...	...	...	...	...	...	126
	Kesimpulan Kerangka Analisis	...	...	...	...	...	...	255
<b>IV</b>	<b>STRUKTUR AYAT MAJMUK DALAM TUHFAT</b>							
	<b>AL-NAFIS</b>	...	...	...	...	...	...	259
	Pendahuluan	...	...	...	...	...	...	259
	Analisis Teks <i>Tuhfat Al-Nafis</i>	...	...	...	...	...	...	259

	Ayat Majmuk Gabungan...	...	...	...	...	...	259
	Jenis Kata Hubung	...	...	...	...	...	260
	Jenis Penggabungan	...	...	...	...	...	262
	Ayat Majmuk Pancangan...	...	...	...	...	...	290
	Ayat Majmuk Pancangan Berkait...	...	...	...	...	...	290
	Ayat Majmuk Pancangan Pelengkap...	...	...	...	...	...	310
	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan...	...	...	...	...	...	360
	Ayat Majmuk Campuran...	...	...	...	...	...	386
	Kesimpulan...	...	...	...	...	...	404
<b>V</b>	<b>PENUTUP</b>	...	...	...	...	...	405
	Kesimpulan	...	...	...	...	...	405
	Bentuk Ayat Majmuk BM	...	...	...	...	...	405
	Pola Struktur Ayat Majmuk	...	...	...	...	...	410
	Cadangan	...	...	...	...	...	415
	<b>NOTA KAKI</b>	...	...	...	...	...	416
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	...	...	...	...	...	427
	<b>LAMPIRAN</b>						
	Petikan Ayat Majmuk dalam <i>Tuhfat Al-Nafis</i>	...	...	...	...	...	436
	<b>BIODATA PENULIS</b>	...	...	...	...	...	447

## SENARAI RAJAH

Bil.	Tajuk	hlm
1	Pertalian Unsur Unit Sintaksis ... ..	02
2	Rumusan Ayat Mengikut Za'ba ... ..	27
3	Rumusan Ayat Mengikut S. Takdir Alisjahbana ... ..	35
4	Rumusan Ayat Majmuk (Klausa Kompleks) Mengikut Asmah ...	43
5	Rumusan Ayat Majmuk Mengikut Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan ... ..	49
6	Ayat Majmuk Gabungan ... ..	52
7	Rumusan Ayat Majmuk Mengikut Nik Safiah et al. ... ..	86
8	Rumusan Ayat Mengikut Asraf ... ..	87
9	Rumusan Ayat Mengikut Awang Sariyan ... ..	88
10	Rumusan Ayat Komplemen Mengikut Sanat ... ..	89
11	Ringkasan Rumusan Ayat Majmuk BM oleh Ahli Bahasa ...	90
12	Tatabahasa Model Generatif ... ..	97
13	Organisasi Tatabahasa Transformasi ... ..	99
14	Kerangka Konsepsi ... ..	118
15	Hubungan Ayat Majmuk Gabungan I ... ..	128
16	Hubungan Ayat Majmuk Gabungan II ... ..	128
17	Hubungan Ayat Majmuk Gabungan III ... ..	129

## LAMBANG DAN SINGKATAN

{ }	sama ada
( )	pilihan
+	diikuti
→	ditulis semula sebagai
#	batas ayat
Ø	unsur digugurkan
A	ayat
Ā	ayat bertanda
Adj	adjektif
Adv	adverba
AKomp	ayat komplemen
APel	ayat pelengkap
bil	bilangan
berk	berkait
BM	bahasa Melayu
FAdj	frasa adjektif
FK	frasa kerja
FKet	frasa keterangan
FKI	frasa kerja intransitif
FKT	frasa kerja transitif
FKTT	frasa kerja tak transitif
FN	frasa nama
FPred	frasa predikat
FPrep	frasa preposisi
FSN	frasa sendi nama
FS	frasa subjek

gel	gelaran
hlm	halaman
HS	huraian struktur
int	intransitif
KAdj	kata adjektif
kb	kata bantu
Kbil	kata bilangan
Ket	keterangan
kh	kata hubung
kk	kata kerja
KKJ	kata kerja
KKJI	kata kerja intransitif
KKT	kata kerja transitif
KKTT	kata kerja tak transitif
KN	kata nama
KNint	kata nama inti
Komp	komplemen
kop	kopula
KS	kata sendi
Kpeng	kata penguat
N	nama
Obj	objek
pas	pasif
Pel	pelengkap
pen	penerang
penj. bil	penjodoh bilangan
pent	penentu
Pred	predikat
PhbK	penghubung koordinat

PhbR	penghubung relatif
PhbS	penghubung
Prep	preposisi
prt	partikel
R	rumus
RP	rajab pohon
RSF	rumus struktur frasa
S	sendi
SK	simbol kompleks
SN	sendi nama
Sub	subjek
tt	tak transitif
TTG	tatabahasa transformasi generatif
tr	transitif
XYZ	deretan apa pun

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian Tatabahasa**

Sintaksis ialah salah satu daripada bidang kajian linguistik.<sup>1</sup> Linguistik ialah sains yang menghuraikan bahasa, dan menunjukkan bagaimana bahasa menjalankan fungsinya dengan berkesan (G. W, Turner, 1983:7).<sup>2</sup> Linguistik juga dianggap sebagai ilmu pengetahuan yang mempelajari gejala bahasa yang wujud dalam bahasa manusia (Ensiklopedi Indonesia, Jilid 4, 1996: 2021).


Sebagai ilmu, hal-hal tertentu dalam bahasa diamati sebelum dirumuskan sesuatu hipotesis, yang kemudiannya diteliti secara sistematik melalui eksperimen dengan menghasilkan sebuah teori<sup>3</sup> (Harimurti Kridalaksana, 1986: 69) dan (Crystal, 1969: 28). Teori linguistik sebagai sistem yang semakin abstrak, menghasilkan penjelasan, ramalan, rekontruksi, tafsiran, atau penilaian tentang fenomena dalam bahasa, dan dapat merumuskan kaedah atau hukum tentang bahasa (Harimurti Kridalaksana, 2002: 2).

Linguistik juga merupakan satu disiplin yang berautonomi, serta mempunyai objek. Objeknya ialah bahasa manusia. Oleh sebab itu, linguistik mengajarkan teori penganalisan dan pendeskripsian bahasa sebagai satu objek kajian, khususnya tentang komponen kebahasaan dan teknik



pendeskripsian bahasa (Jos Daniel Parera, 1994: 1). Apabila kita membicarakan sintaksis atau deretan kata yang membentuk gabungan kata, bermakna kita memberikan huraian tentang cara penyusunan kata untuk menghasilkan frasa, klausa atau ayat menurut sistem sesuatu bahasa yang telah mantap.

Susunan kata yang mewujudkan frasa, klausa, atau ayat ini dinamakan struktur. Struktur ialah hubungan satu bahagian dengan bahagian yang lain dalam susunan sesuatu unsur yang diwujudkan oleh hubungan sintagmatik antara unsur sesuatu unit sintaksis untuk membentuk keutuhan yang padu. Unit sintaksis itu ialah sebahagian daripada tataran linguistik<sup>4</sup> yang termasuk di dalamnya *frasa*.<sup>5</sup> Unsur lain dalam tataran linguistik ialah *klausa*<sup>6</sup> dan *ayat*.<sup>7</sup> Hubungan sintagmatik bermaksud melihat hubungan atau pertalian antara unsur sesuatu unit sintaksis secara garis mendatar. Contohnya:



**Rajah 1: Pertalian Unsur Unit Sintaksis**

Berdasarkan gambar rajah di atas, kita dapati bahawa unsur dalam unit A tiada hubungan sintagmatik. Sebaliknya, unsur dalam unit B, C, dan D mempunyai hubungan sintagmatik.<sup>8</sup> Dengan itu, nyatalah yang dimaksudkan

dengan struktur frasa, klausa atau ayat ialah ketetapan tentang penyusunan kata dari segi urutan kronologinya. Ini bermakna, deretan kata yang membentuk gabungan kata yang tidak tersusun mengikut sistem tatabahasa sesuatu bahasa bukanlah *frasa*, *klausa* atau *ayat* dalam bahasa itu.

Teori bahasa sesuatu bahasa ialah tatabahasa bahasa itu (Chomsky, 1965: 24). Teori bahasa<sup>9</sup> atau tatabahasa yang menjadi asas untuk mewujudkan bahasa yang baik dan indah mestilah difahami oleh pengguna bahasa. Dengan itu, seseorang pengguna bahasa dapat mengeksploitasikan bahasa untuk menimbulkan laras,<sup>10</sup> dan gaya bahasa<sup>11</sup> yang pelbagai dan tersendiri supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Tatabahasa yang merupakan teori sesuatu bahasa itu mestilah dibuat dengan tepat, lengkap, dan mudah difahami. Penghuraianya perlu dilakukan dengan cara terperinci, seboleh-bolehnya hingga peringkat “*kebolehan intrinsik penutur jati yang ideal*” (Chomsky, 1965: 24). Ini demikian kerana bahasa memperlihatkan aspek majmuk yang mencakup *biologi*, *psikologi*, *sosial* dan *budaya*. Jika bahasa memperlihatkan kemajmukan seperti itu, maka dengan sendirinya linguistik sebagai ilmu memperlihatkan kemajmukan pula dalam usaha mengkaji bahasa (Bambang Kaswanti Purwo, 2000: 4 ). Ini menunjukkan bahawa setiap bahasa mempunyai sistem yang tersendiri yang unik dan mempunyai kelainan dari segi pendekatan dan penggunaannya. Sistem sesuatu bahasa itu ialah morfem<sup>12</sup> yang digunakan dalam bahasa itu, dan penyusunan morfem itu berhubungan antara satu dengan lain dalam arus

ujaran (Hockett, 1969: 129) atau dalam sesuatu konteks wacana, atau konteks keadaan.<sup>13</sup>

Keadaan ini juga menunjukkan bahawa tatabahasa sesuatu bahasa itu menitikberatkan sistem struktur urutan pertuturan, penulisan, dan penggolongan serta pengelasan unsur pertuturan yang berulang-ulang berdasarkan fungsinya di tempat tertentu, dan konteks tertentu serta mengambil kira hubungan tindak balas antara satu dengan lain dalam struktur (Robins, 1971: 171).

Untuk memastikan bahawa struktur urutan pertuturan, dan penulisan itu dapat direalisasikan dengan berkesan, maka tatabahasa mestilah formal, jelas, lengkap, sistematik dan indah. Dengan kata lain, tatabahasa sesuatu bahasa ialah suatu teori atau kumpulan kenyataan yang dapat memberikan penjelasan kepada kita bagaimana ikatan unsur asas itu diterima atau dibenarkan dalam penggunaan bahasa, terutama dalam laras ilmiah (Bach, 1974: 28).

Tatabahasa merupakan suatu sistem rumus yang berulang-ulang untuk menghasilkan struktur yang tidak terbatas jumlahnya (Chomsky, 1965: 16). Ini bermaksud sekumpulan rumus yang terbatas jumlahnya boleh digunakan untuk mewujudkan pelbagai ayat gramatis yang tidak terbatas jumlahnya untuk mengungkapkan pelbagai idea dan perasaan individu. Jika rumus itu tidak terbatas jumlahnya, maka urutan ujaran atau penulisan akan memerlukan rumus yang tersendiri.

Dari segi realitinya, setiap kali seseorang penutur jati bertutur atau menulis, ia akan mewujudkan ayat baharu. Ini bermakna ia telah menghasilkan bentuk ayat yang tidak terjumlah banyaknya. Pada masa kita bertutur atau menulis, kita juga mengaplikasikan proses tatabahasa untuk menghasilkan idea, dan menyusun idea itu supaya kita memperoleh kesan yang maksimum (John B. William, 1973: 10).

Oleh itu, tatabahasa yang merupakan kumpulan sistem itu harus dipatuhi oleh pengguna bahasa. Kumpulan sistem inilah yang menjadi asas pengalihan apresiasi bahasa yang baik dan *indah* serta menjamin kemantapan bahasa itu. Ini demikian kerana tatabahasa berfungsi untuk memisahkan bentuk yang gramatis daripada bentuk yang tidak gramatis.

Ukuran gramatis atau tidak gramatisnya sesuatu bentuk ujaran atau ayat dalam sesuatu bahasa bukanlah didasarkan pada korpus ujaran yang diperolehi oleh ahli bahasa hasil daripada kerja lapangan (*field work*) atau kriteria makna, atau fungsinya, atau darjah penggunaan sesuatu bentuk bahasa, tetapi sesuatu bentuk ujaran dikatakan gramatis jika ujaran itu mempunyai bentuk dan makna yang sempurna. Bentuk dan makna yang sempurna ialah bentuk dan makna yang dapat diterima oleh penutur jati bahasa itu sendiri.

Tugas penting tatabahasa untuk menghuraikan pemilihan pengguna terhadap unsur bahasa untuk membina ayat yang baik. Oleh itu, tatabahasa sebagai dasar yang menjadi pedoman dan pegangan dalam menentukan betul salahnya ayat yang dihasilkan oleh seseorang dalam sesuatu masyarakat bahasa,

seharusnya dibuat secara formal, jelas, lengkap, dan mudah difahami, serta tidak pula diubah dengan sewenang-wenangnya. Ini demikian kerana tatabahasa akan menjelaskan bagaimana kata terbentuk, dan bagaimana pula kata dengan kata saling berhubungan dalam membentuk ayat (S. Effendi, 1998: 13).

Berdasarkan hakikat inilah kajian terhadap ayat majmuk bahasa Me'ayu (selepas ini akan digunakan singkatan **BM**) ini dilakukan. Kajian ini akan berlandaskan prinsip linguistik yang didasarkan pada aliran Tatabahasa Transformasi Generatif (selepas ini akan digunakan singkatan **TTG**) yang dipelopori oleh A. N. Chomsky. Aliran ini berusaha untuk memberikan rumusan baharu tentang hakikat bahasa, tujuan linguistik, model dan kaedahnya.

Dalam perkembangannya selama 30 tahun, bermula dari TTG, muncul pelbagai versi, iaitu *Classical Theory* (1957), *Standard Theory* (1965), *Extended Standard Theory* (1968), *Revised Extended Standard Theory* (1970), *Generative Semantics* (1970) (yang menjadi contoh berpengaruh), *Government and Binding Theory* (dikenali juga sebagai *Principles and Parameters*) (1980) dan *Minimalist Program* (1993). Teori *Generative Semantics* kemudiannya menjadi aliran tersendiri dan lebih bersifat fungsional (yang kemudian dikenali dengan nama *Cognitive Linguistics*). Daripada TTG yang *asli* wujud aliran lain yang kemudiannya berdiri sendiri seperti *Functional Lexical Grammar*, *Generalized – Phrase – Structure Grammar*, *Montague Grammar*, dan sebagainya (Harimurti Kridalaksana,

2002: 6). Antara ahli bahasa yang memperkembang aliran TTG ini ialah R.A. Jacobs dan P. S. Rosenbaum, yang kemudiannya diikuti oleh ahli bahasa yang lain, seperti C. J. Fillmore, R. Jackendoff, G. Lakoff, J. McCowley, dan J. R. Ross. Di Malaysia, ahli bahasa yang mengikut jejak mereka ini ialah Nik Safiah Karim, Awang Sariyan, Ramli Haji Salleh, Abdul Hamid Mahmood, dan Sanat Md Nasir.

Premis utama kajian ini ialah setiap ayat mempunyai struktur dasar yang memberikan pentafsiran semantik, dan struktur permukaan yang dihasilkan daripada struktur dasar melalui rumus transformasi tertentu dan tersusun. Dengan kata lain, struktur dasar ayat bertanggungjawab untuk menentukan makna asas sesuatu ayat. Rumus transformasi hanya menjalankan tugas sampingan dalam menentukan makna. Tugas utamanya menentukan bentuk penulisan ayat. Dalam proses melahirkan struktur permukaan, sesuatu ayat berkemungkinan mengalami struktur peralihan. Ini demikian kerana sesuatu ayat yang telah mengalami proses transformasi tidak lagi merupakan struktur dasar. Struktur itu akan menjadi struktur permukaan atau struktur peralihan. Struktur permukaan tidak akan mengalami proses transformasi lagi, tetapi struktur peralihan akan mengalami proses transformasi yang berterusan sehinggalah terhenti pada struktur yang diingini oleh pengguna bahasa berkenaan.

Setakat ini, TTG telah memperlihatkan pendekatan yang paling sesuai untuk menghuraikan pembinaan ayat dengan tepat. TTG juga berkemampuan untuk menghuraikan bagaimana ayat kompleks dihasilkan, dan dapat menunjukkan